

# PM: Projek Uda boleh dipajak kepada swasta

BN 21 MAY 1983

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda) supaya memajukan kepada sektor swasta projek-projek pembangunan yang tidak dapat dilaksanakannya disebabkan kekurangan wang.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu bagi meringankan beban kerajaan.

Tetapi beliau mengingatkan bahawa penyerahan projek-projek kepada sektor swasta itu mestilah memberi faedah kepada Uda.

"Saya telah mengarahkan supaya mana-mana rancangan yang hendak dijalankan oleh Uda tetapi tidak mempunyai modal yang cukup atau tidak mendapat bantuan kerajaan, diserahkan atau dipajakkan kepada sektor swasta.

"Ini adalah untuk memastikan beban kerajaan tidak begitu berat," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai rancangan-rancangan Uda di pejabat tapak Kompleks Dayabumi, di sini.

## Beban

Beliau berkata, pihaknya telah menetapkan dua atau tiga projek yang akan dipajakkan kepada swasta tertakluk kepada syarat-syarat yang sedang dibuat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun Uda boleh mendapatkan pinjaman dengan jaminan kerajaan untuk melaksanakan rancangan-rancangannya dan projek itu boleh mendatangkan hasil kelak, kerajaan tidak mahu menanggung beban pinjaman sementara menunggu ia siap.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri melancarkan kerja-kerja terakhir memasang rangka bangunan menara Kom-

pleks Dayabumi setinggi 36 tingkat.

Beliau diiringi oleh Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz, Pengerusi Uda, Tan Sri Zaiton Ibrahim, Ketua Pengarahnya, Encik Ahmad Khairum-muzammil bin Mohd Yusof dan pegawai-pegawai kanan kontraktor projek itu, Syarikat Usaha-sama Takenaka-Kumagai-Resilient.

Kompleks itu yang berharga hampir \$400 juta dijangka siap pada bulan April tahun depan.

Mengenai projek itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerja-kerja membina bangunan menara siap 40 hari lebih awal dari jadual sementara kerja di bahagian lain pula, 45 hari lebih cepat.

Beliau juga puas hati

dengan langkah-langkah keselamatan pekerja yang diambil oleh kontraktor-kontraktor projek itu.

Katanya, langkah mereka memasang jaring keselamatan telah menyelamatkan nyawa dua pekerja yang terjatuh ketika bekerja baru-baru ini.

"Walaupun kedua pekerja itu tidak mematuhi arahan dengan tidak memakai tali keselamatan, mereka dapat diselamatkan dengan adanya jaring keselamatan," ujarnya.

Beliau berharap, kontraktor-kontraktor tempatan akan memberi perhatian berat terhadap keselamatan pekerja dengan mengambil langkah-langkah seumpama itu.